

TARIKH	2 / 9 / 2016	SEKSYEN	Mega Mimbar
MUKA SURAT	Front Page	RUANGAN	



DARI semasa ke semasa kemudahan untuk umat Islam minum air zam-zam dipertingkatkan oleh kerajaan Arab Saudi.

Manfaat kepada manusia seluruh dunia

SEJAK projek itu dibuka, sebanyak 125 juta padu gelen air zam-zam telah dibotolkan bagi kegunaan umat Islam seluruh dunia. Air suci umat Islam yang tiada tarikh luput penggunaannya itu dibawa ke kilang melalui saluran paip sepanjang 4,000 meter dari telaga asalnya di Masjidilharam.

Kemudian air zam-zam itu melalui tiga kali tapisan sebelum dibotolkan dan dihantar ke Madinah setiap hari dengan 10 buah treler. Ketika musim haji, jemaah

akan diberikan lima liter air zamzam oleh kerajaan Arab Saudi untuk dibawa pulang ke negara masing-masing.

Zam-zam merupakan punca mata air yang terletak di kawasan Masjidilharam, iaitu di sebelah tenggara Kaabah yang dikatakan berkedalaman 42 meter.

Menurut riwayat, mata air tersebut ditemukan pertama kali oleh Siti Hajar setelah berlari antara Bukit Safa dengan Bukit Marwah apabila Ismail a.s, putera Siti Hajar mengalami kehausan di tengah padang

pasir kira-kira 4,000 tahun lalu.

Bagi umat Islam yang menunaikan haji mahupun umrah, mereka sama sekali tidak akan melepaskan peluang untuk meneguk air zam-zam. Malah pelbagai gelagat dapat melihat. Ada antara mereka menggunakan air zam-zam untuk berwuduk selain membasahkan kain ihram.

Apa yang menarik kerajaan Arab Saudi menyediakan banyak tempat di sekitar Masjidilharam bagi memudahkan umat Islam mendapatkan air tersebut.



ORANG ramai mengambil kesempatan minum air zam-zam yang disediakan di hadapan Muzium Mekah.